



RAHMAT OTTMAN | BERITA MINGGU

■ BILIK tidur utama yang masih dalam keadaan asal dipamerkan di Rumah Merdeka di Jalan Putra, Alor Star.

Rahsia politik negara di Rumah Merdeka

BH-22/1/2006

Di situlah kediaman pencetus ilham Tunku Abdul Rahman mengatur strategi memerdekakan Malaysia

Oleh Nasron Sira Rahim

RUMAH itu bukan sekadar tempat berteduh tetapi di situlah ketika Tunku Abdul Rahman Putra memikirkan mengenai nasib Tanah Melayu, Perdana Menteri negara pertama itu memperoleh pelbagai ilham untuk mengatur strategi politik bagi memerdekakan tanah air.

Di rumah itu jugalah, ketika Bapa Kemerdekaan itu 'mengasingkan' diri dan merehatkan minda daripada dunia politik yang amat mencabar, beliau mengarang plot cerita seterusnya menulis skrip filem *Raja Bersiong* dan *Mahsuri*.

Rumah yang dibina pada 1942 itu dikenali sebagai 'Rumah Merdeka'. Kini masih berdiri megah dan kekal dalam lipatan sejarah negara.

Daripada sebuah rumah yang didiami Perdana Menteri pertama negara, ia kini menjadi 'milik' masyarakat dan dalam usaha mengekalkan khazanah sejarah negara, ia dipelihara kerajaan dan dibuka untuk tatapan umum.

Bertempat di pusat Bandar Raya Alor Star iaitu di Jalan Putra, Kedah; penduduk atau pencinta sejarah tanah air dapat melihat sendiri bagaimana rumah itu berperanan dalam pembentukan sejarah tanah air.

Terletak kira-kira satu kilometer dari rumah kelahiran Tun Dr Mahathir Mohamad dan tidak jauh dari Masjid Zahir, ia dibuka kepada pengunjung secara percuma pada setiap hari kecuali Isnin tetapi ia akan dibuka pada keseluruhan minggu ketika cuti umum atau cuti sekolah.

Pengunjung boleh melawat dan melihat sendiri keadaan rumah itu dari Selasa hingga Ahad bermula jam 10 pagi

Di bawah selenggaraan Arkib Negara, keistimewaan rumah berkenaan iaitu susun atur dan perabot asal ketika didiami Tunku dikekalkan dan hanya sedikit penambahan dilakukan bagi disesuaikan dengan konsep pameran yang ingin dipersembahkan kepada orang ramai

dikan ruang kediaman. Setahun selepas itu, atas nasihat beberapa sahabatnya iaitu Tan Sri Senu Abdul Rahman, Tan Sri Mohd Khir Johari dan Tun Tan Cheng Lock; Tunku menukar gelaran rumah itu daripada Rumah Jalan Baru kepada Rumah Merdeka.

Kos membina Rumah Merdeka dianggarkan bernilai RM20,000 dan berbanding keadaan ekonomi ketika itu iaitu sekitar 1950-an, ia dianggap antara kediaman mewah sesuai dengan kedudukan Tunku sebagai bekas pemimpin nombor satu negara.

Rumah itu tidak sekadar kediaman kerana pada Pilihan Raya Umum 1955, 1959, 1964 dan 1969, rumah itu menjadi markas Tunku merancang strategi politik manakala pada senggang lain beliau melakukan aktiviti penulisannya. Pada 27 Mei 1966, 'Misi Muhibah'



■ GAMBAR Tunku Abdul Rahman bersama isterinya Tun Sharifah Rodziah dipamerkan di rumah berkenaan.

Razak Hussien bersama wakil Indonesia, Adam Malik dan ia secara rasminya ditandatangani di Jakarta, Indonesia

dan Galeri Sri Perdana. Sumbangan rumah itu terhadap negara tidak ternilai kerana selain me-

hingga 5.30 petang. Bagaimanapun, pada Jumaat, ia akan ditutup sementara selama tiga jam mulai 12 tengah hari, bagi menghormati solat Jumaat.

Rumah Merdeka kini diselenggarakan oleh Arkib Negara yang mengambil alih tugas itu pada 2003 dan agensi itu berusaha membaik pulih dan memulihkannya sebagaimana keadaan asal ketika didiami Almarhum Tunku.

Di bawah selenggaraan Arkib Negara, keistimewaan rumah berkenaan iaitu susun atur dan perabot asal ketika didiami Tunku dikekalkan dan hanya sedikit penambahan dilakukan bagi disesuaikan dengan konsep pameran yang ingin dipersembahkan kepada orang ramai.

Pameran di Rumah Merdeka dilengkapi dengan pemasangan audio-visual supaya usaha menyalurkan lebih maklumat kepada pelawat dapat dilakukan dengan berkesan. Di dinding rumah pula, turut dilengkapkan fakta mengenai keadaan rumah dan biografi Tunku.

Pada asalnya, tapak rumah itu pernah dimiliki Che Manjalara iaitu bonda kepada Tunku sebelum dihadiahkan kepada Baba Kemerdekaan itu. Ketika pendudukan Jepun pada 1942, Tunku membina sebuah rumah papan di atas tanah berkenaan dan rumah itu kemudiannya dikenali sebagai 'Rumah Jalan Baru'.

Pada 1953, Tunku mengubah suai kediaman berkenaan – rumah papan sedia ada diangkat menjadi ruang tingkat atas manakala ruang di bawahnya ditambah dan diubah suai untuk dija-

yang terdiri daripada 20 pegawai tentera Indonesia diketuai Laksamana Muda Laut OB Sjaaf berunding dengan Tunku di Rumah Merdeka mengenai isu konfrontasi.

Dua belas hari selepas itu, usaha penamatan Konfrontasi Malaysia-Indonesia berhasil antara rundingan Timbalan Perdana Menteri ketika itu, Tun Abdul

pada 11 Ogos 1966.

Rumah Merdeka kini tersenarai antara sembilan Institusi Memorial Arkib Negara selain Memorial Tun Abdul Razak; Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan; Pustaka Peringatan P Ramlee; Pustaka Perkhidmatan Awam; Rumah Kelahiran Tun Dr Mahathir Mohamad; Memorial Tunku Abdul Rahman Putra

nempatkan seorang tokoh negara, ia menjadi tempat pertemuan pelbagai peristiwa bersejarah.

Rumah Merdeka adalah lokasi bersejarah negara dan rumah itu juga khazanah negara. Sebagai seorang warga negara, sedikit sebanyak haruslah kita arif dan mengetahui asal-usul kelahiran Malaysia.



■ **SEBAHAGIAN** daripada barang milik Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj termasuk beg, songkok dan sejadah dipamerkan di Rumah Merdeka.